

CNS0192

U GB 26-07 00162 BA832

aab

Mahathir - Arqam

KERAJAAN TUNGGU KEPUTUSAN MAJLIS FATWA TENTANG AL-ARQAM

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Kerajaan sedang menunggu keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan mengenai kedudukan Al-Arqam berasaskan pendirian agama sebelum mengambil tindakan rasmi terhadapnya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata majlis itu akan mengadakan perjumpaan dengan pihak berkenaan semua negeri dan keputusan mereka, sama ada hendak mengharamkan pertubuhan itu, haruslah berasaskan kepada pendirian agama.

"Kalau kita tidak mengambil tindakan, kita yang salah sebab Al-Arqam telah menyelewengkan ajaran Islam," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Perayaan Seabad Perkhidmatan Veterinar dan Industri Haiwan Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Beliau berkata bagaimanapun sebelum mengambil tindakan, kerajaan perlu menjelaskan kepada rakyat tentang Al-Arqam dan penyelewengannya itu.

"Kalau rakyat tidak mendapat penjelasan, kita tidak boleh menyalahkan rakyat jika mereka mengikuti Al-Arqam. Menjadi tanggungjawab kerajaan dan media massa untuk menjelaskan perkara itu," katanya. -- Lagi.

♥26/07/14-52MST

CNS0216

R GB 26-07 00082 BA834

aab

Mahathir - Arqam 2 (Akhir) Kuala Lumpur

"Pemimpin kumpulan itu Ashaari Muhammad mendakwa dia biasa bercakap dengan Rasulullah...macam kita tengah bercakap sekarang ini...dan kononnya nabi panggil dia Tuan," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata kerajaan boleh mengharamkan kumpulan itu tetapi pada masa yang sama kerajaan tidak mahu menangkap orang tanpa sebab.

"Oleh itu, kita perlu beri penjelasan sebelum kita mengambil tindakan terhadap kumpulan itu atau pengikut-pengikutnya," katanya. -- Bernama

JM NMO